



**UTEM**

MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI



# SES

## "Strategize, Energize, Synergize" FORMULA KECEMERLANGAN UNIVERSITI

**20 Mei 2011:** "Strategize, Energize, Synergize" (SES) merupakan formula yang diungkapkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Ab. Rahim bin Md Noor ketika mengadakan lawatan kerja pertama ke Kampus Induk dan Kampus Industri UTeM di sini.

Melalui SES, universiti diseru agar melaksanakan perancangan yang berfokuskan strategi, menyuntik sepenuh tenaga dalam memartabatkan pengajian tinggi serta memupuk semangat kebersamaan di kalangan universiti untuk bergerak seiring dengan aspirasi negara.

Ketibaan Datuk Ab. Rahim di Bangunan Canselor, Kampus Induk telah disambut oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, pegawai-pegawai kanan universiti serta wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM.

Menurut Ahmad Yusoff, "Kunjungan Ketua Setiausaha KPT ke UTeM adalah untuk melihat sendiri perkembangan pembangunan infrastruktur universiti di samping mendekati pemimpin mahasiswa bagi mengeratkan hubungan dan bertukar pandangan."

Tambahnya lagi, seluruh warga universiti ini amat berbesar hati menerima kunjungan Datuk Ab. Rahim yang sangat dikenali dengan sifat mesra dan gemar turun padang untuk melihat sendiri perkembangan semasa lebih-lebih lagi pembangunan IPTA di negara ini.

Sehubungan dengan itu, satu taklimat khas bersama Ketua Setiausaha KPT telah dijalankan di Bilik Mesyuarat Senat dengan dihadiri ketua-ketua jabatan dan wakil mahasiswa. Taklimat tersebut turut membincangkan hala tuju UTeM ke arah merealisasikan hasrat kementerian untuk melahirkan graduan teknikal yang mampu memacu pembangunan negara.

Beliau kemudiannya dibawa melawat ke sekitar Kampus Induk untuk melihat beberapa kemudahan serta tapak pembinaan asrama pelajar di sini. Pada sesi lawatan tersebut, Pengarah Pejabat Pembangunan UTeM, Abdul Wahab Harun telah memberi taklimat mengenai perkembangan terkini projek-projek yang sedang berjalan kepada beliau.

Selain Kampus Induk, Datuk Ab. Rahim turut dibawa melawat ke Kampus Industri di Ayer Keroh yang menempatkan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM). Mengulas lanjut mengenai lawatan tersebut, Ahmad Yusoff melahirkan penghargaan terhadap kesudian Ketua Setiausaha KPT meluangkan masa meninjau dan beramah mesra dengan warga universiti.

Di akhir lawatan, Datuk Ab. Rahim menyatakan rasa puas hati terhadap perkembangan keseluruhan UTeM dan berharap agar hubungan yang terjalin erat dapat ditingkatkan dari masa ke semasa.

LG  
173  
.M44  
.B47  
2011  
a  
May

9771985 470003

### KANDUNGAN

Ketua Setiausaha KPT Adakan Lawatan Kerja Pertama Ke UTeM | Staf Cemerlang Diraikan di Majlis Hari Kualiti 2011 | UTeM Umum Pelantikan Penolong Naib Canselor | Pengerusi LPU Kongsi Rahsia Kejayaan Bersama Kakitangan Pentadbiran | Delegasi UIB Kagumi Infrastruktur Kampus Induk | UNINDRA Minat Jalin Kolaborasi Bidang ICT Dan Kejuruteraan | Universiti Australia Minat Jalin Kerjasama Strategik Dengan UTeM | Ketua Pegawai Eksekutif MQA Adakan Dialog Bersama Wakil IPT Zon Selatan | Mahasiswa Diberi Bimbingan Ilmu Keusahawanan | Kebolehpasaran Graduan Ditingkatkan Melalui Kursus Pengendalian Rangkaian Cisco | Pengurus LPU Luangkan Masa Raikan Pelajar Sekolah Rendah Alor Gajah 1 | Angkasawan Negara Cetus Inspirasi Mahasiswa | UTeM Jadi Pilihan Utama Pelajar Lanjutkan Pengajian Peringkat Diploma | FKP Anjur Pertandingan Inovasi Kejuruteraan Pembuatan | Prestasi UTeM Terus Cemerlang: Menang 20 Pingat Di ITEX 2011 | Hubungan Industri Dengan Syarikat Teknologi Tinggi Korea Selatan Diperkuuh | Setiausaha Pejabat Didedah Rahsia Komunikasi Berkesan | UTeM Sertai Kejohanan Sukan Persatuan Badan-badan Berkanun Malaysia Kali Ke-7 | Kursus Induksi Umum Kumpulan Pengurusan & Profesional UTeM Bentuk Kakitangan Berkemahiran Tinggi | UTeM Fokus Bentuk Pemandu Berpengetahuan Dan Berhemah | Seminar Kesedaran Keselamatan & Kesihatan di Pejabat - Semai Kesedaran Berterusan Kakitangan | Berita Kelahiran & Perkahwinan | UTeM Laksanakan Pengajuran Terbaik Imagine Cup 2011 – Microsoft | Personaliti Pilihan



## Editor BERITA@UTeM

### KETUA EDITOR :

Prof. Madya Mohd Rahimi  
Bin Yusoff

### WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad  
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

### REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang  
Suria Binti Abdul Rahman

### JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh  
Nurulidayu Binti Talib  
Mohd Farid Bin Supangi  
Asri Bin Abu

### PENGEDARAN :

Yang Sarinah Binti Mohd Talib  
Rabea'tul Adawiyah Binti Zakariah

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM ?  
Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke berita@utem.edu.my



## Staf Cemerlang Diraikan di Majlis Hari Kualiti 2011

18 Mei 2011: Pada tahun ini seramai 142 orang staf UTeM daripada pelbagai gred dan jawatan telah terpilih untuk menerima Anugerah Khidmat Cemerlang atas sumbangan yang telah diberikan kepada pihak universiti.

Menurut Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dalam ucapannya menjelaskan bahawa antara objektif utama diadakan Majlis Hari Kualiti UTeM 2011 ini adalah sebagai tanda penghargaan dan terima kasih pihak universiti di atas sumbangan warga kerjanya dalam menyumbang keringat dan komitmen yang berterusan agar kecemerlangan UTeM terus menjadi aspirasi utama.

Dalam ucapannya beliau menekankan tentang memperkasakan budaya kerja prestasi tinggi dan cemerlang selaras dengan hasrat Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak untuk mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Husain, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi, pegawai-pegawai kanan serta lebih 1000 orang staf UTeM.

## UTeM Umum Pelantikan PENOLONG NAIB CANSELOR

30 Mei 2011: UTeM baru-baru ini mengumumkan pelantikan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat). Melalui pelantikan tersebut, Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman dilantik sebagai Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) manakala Prof. Dr. Muhammad Ghazie Ismail dilantik sebagai Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat).




Engr. Marizan Sulaiman, 49, mula berkhidmat sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) UTeM pada tahun 2002 sebelum dilantik sebagai Dekan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) pada tahun 2007. Sebelum pelantikan ke jawatan Penolong Naib Canselor, Engr. Marizan memegang jawatan sebagai Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).

Sementara itu, Prof. Dr. Muhammad Ghazie, 55, diberi tanggungjawab untuk mengeratkan lagi kerjasama strategik UTeM dengan pihak industri melalui penerokaan beberapa sektor yang dikenalpasti.

### UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang telekomunikasi dan pemprosesan imej dari Loughborough University Of Technology United Kingdom, Dr. Ghazie pernah memimpin beberapa organisasi yang terlibat dalam projek informasi dan teknologi maklumat (ICT) negara seperti Multimedia Development Corporation (MDeC). Beliau juga merupakan individu penting dalam membangunkan aplikasi e-Kerajaan, smart school dan beberapa kemudahan ICT negara.





## Pengerusi LPU Kongsi Rahsia Kejayaan Bersama Kakitangan Pentadbiran

10 Mei 2011: UTeM menganjurkan sesi ramah mesra bersama Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM Datuk Ir. Dr. Haji Ahmad Zaidee Ladin bersama kakitangan pentadbiran UTeM bertempat di Dewan Besar Kampus Induk UTeM Durian Tunggal.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Husain serta Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi bersama pegawai-pegawai kanan serta lebih daripada 700 orang kakitangan pentadbiran UTeM.

Dalam ucapannya, Datuk Zaidee berkongsi kepakaran dan pengalaman yang luas bersama kakitangan bukan akademik universiti ini dalam meningkatkan lagi kejayaan dalam kerjaya dan memperkenalkan prestasi cemerlang disamping memberi sumbangan berterusan kepada UTeM.

Antara perkara lain yang diberi penekanan ialah aspek kepimpinan dalam pentadbiran dan pengurusan universiti kerana kemahiran ini sememangnya penting dalam memandu arah kakitangan secara lebih efektif dan efisien ke arah mencapai matlamat dan sasaran.



## Delegasi UIB Kagumi Infrastruktur Kampus Induk

20 Mei 2011: UTeM telah menerima kunjungan delegasi dari Universitas Internasional Batam (UIB), Indonesia baru-baru ini di Kampus Induk Durian Tunggal. Kunjungan ini telah disambut oleh Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Husain serta pegawai-pegawai kanan universiti.

Kunjungan UIB ke UTeM lebih tertumpu kepada jalinan kerjasama strategik antara kedua-dua universiti terutama sekali dalam pembangunan akademik. Melalui lawatan ini, konsep yang diamalkan di UTeM akan diterjemahkan kepada beberapa bentuk pendekatan dalam bidang akademik dan pembangunan staf di pihak UIB.

Naib Canselor UTeM dan pegawai-pegawai kanan yang hadir turut mengadakan perbincangan dua hala bagi berkongsi pendapat dan pengalaman dalam memajukan bidang penyelidikan dan akademik di universiti itu.

Ternyata delegasi UIB yang turut disertai oleh wakil-wakil dari Jabatan Pendidikan Nasional Indonesia (DIKNAS), Politeknik Jember serta Politeknik Semarang begitu teruja apabila disambut dengan penuh meriah dan sempat beramah mesra dengan pegawai-pegawai kanan universiti.



## Universiti Australia Minat Jalin Kerjasama Strategik Dengan UTeM



24 Mei 2011: Jalinan kerjasama bersama institusi antarabangsa diteruskan lagi bagi memantapkan UTeM sebagai universiti tersohor di negara ini. Kali ini UTeM menerima kunjungan delegasi dari University of the Sunshine Coast (USC) Australia untuk membincangkan peluang kerjasama antara kedua-dua pihak.

USC yang terletak di Queensland merupakan universiti yang mempunyai kepakaran dalam bidang sains, kejuruteraan, IT serta pengurusan perniagaan diwakili oleh Pengarah Pejabat Antarabangsa, Ms. Emitamba.

Perbincangan mengenai peluang kerjasama antara UTeM dan USC telah dipengerusikan oleh Pengarah Pejabat Antarabangsa UTeM, Prof Dr Nanna Suryana Herman. Pelbagai aspek dibincangkan merangkumi program-program akademik dalam bidang kejuruteraan dan ICT serta perancangan untuk menjalinkan kerjasama strategik.

Menurut Prof Dr Nanna Suryana Herman berkata antara objektif lawatan USC ke UTeM adalah untuk mengenali dan memahami keseluruhan organisasi UTeM secara komprehensif dari sudut program yang ditawarkan, sudut pembangunan pelajar dan kecemerlangan bidang penyelidikan UTeM.

## UNINDRA Minat Jalin Kolaborasi Bidang ICT Dan Kejuruteraan

24 Mei 2011: Pencapaian cemerlang UTeM dalam bidang pendidikan teknikal dan penyelidikan sepanjang lebih sedekad penubuhannya telah mendapat perhatian Universitas Indraprasta (UNINDRA) Indonesia untuk menjalankan program akademik secara usahasama di antara kedua-kedua negara. Hasrat tersebut dinyatakan sewaktu kunjungan Rektor universiti tersebut ke Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal di sini.


Kunjungan dari UNINDRA diketuai oleh Rektor, Prof. Dr. H. Sumaryoto disambut oleh Pengarah dan pegawai Pejabat Antarabangsa UTeM yang kemudiannya mengadakan perbincangan mengenai kerjasama strategik dua hala. Melalui perbincangan tersebut, UNINDRA berminat untuk menjalinkan kolaborasi dengan UTeM melalui program-program teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta kejuruteraan berteknologi tinggi.

Menurut Pengarah Pejabat Antarabangsa UTeM, Prof. Dr. Nanna Suryana Herman berkata, pencapaian cemerlang UTeM dalam pendidikan teknikal ditambah pula dengan prasarana kampus yang termoden menjadikan universiti ini pilihan terbaik UNINDRA dalam menjalankan program usahasama khas untuk pelajar-pelajar dari Indonesia.

Sementara itu, Prof. Dr. H. Sumaryoto berharap agar lawatan tersebut bakal memberi manfaat kepada kedua-dua universiti terutama sekali dalam melahirkan graduan berkualiti tinggi melalui pakatan strategik yang akan direncanakan. Beliau turut mengagumi kemudahan dan persekitaran UTeM yang disifatkan sebagai sangat kondusif kepada mahasiswa yang belajar di kampus ini.



## Ketua Pegawai Eksekutif MQA Adakan Dialog Bersama Wakil IPT Zon Selatan



31 Mei 2011: UTeM dipilih selaku tuan rumah bagi pengajuran sesi dialog di antara Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dengan wakil-wakil mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) Zon Selatan baru-baru ini menampilkan Ketua Pegawai Eksekutif MQA, Dato' Dr. Syed Ahmad Hussein yang berinteraksi dengan peserta yang hadir.

Menurut Dr. Syed, "Pengajuran sesi dialog ini bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas daripada mahasiswa mengenai fungsi dan peranan agensi ini dalam memastikan kualiti pengajian tinggi sentiasa berada di tahap yang terbaik."

Pelbagai isu dikupas antaranya syarat kemasukan ke program-program perubatan, standard yang perlu dipatuhi setiap IPT sebelum penganugerahan status akreditasi serta keperluan pemantauan oleh MQA terhadap IPT agar kebajikan pelajar lebih terjamin.

Dalam perkembangan yang sama, MQA akan menubuhkan satu jawatankuasa yang melibatkan perwakilan pelajar IPT seluruh negara pada dalam masa terdekat bagi memastikan isu-isu berbangkit serta usaha penampaikan kualiti IPT dapat dibincangkan dari semasa ke semasa selaras dengan prinsip jaminan kualiti berfokuskan pelajar.


## Pengerusi LPU Luangkan Masa Raikan Pelajar Sekolah Rendah Alor Gajah 1

10 Mei 2011: Seramai 120 pelajar tahun 6 Sekolah Kebangsaan Alor Gajah 1, Melaka hari ini mendapat suntikan semangat untuk terus berusaha ke arah kejayaan di dalam bidang akademik. Kehadiran mereka di Kampus Induk UTeM bukan sahaja untuk melawat kemudahan universiti, malah turut dilayan oleh ikon kejuruteraan tersohor negara, Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee Ladin yang merupakan bekas pelajar sekolah itu.

Ahmad Zaidee yang juga Pengurus Lembaga Pengarah (LPU) UTeM meluangkan masa bersama guru-guru dan pelajar-pelajar bekas sekolahnya itu berkongsi pengalaman beliau sewaktu belajar di pekan Alor Gajah pada tahun 1949 dengan kemudahan asas yang amat terbatas pada waktu itu.

Demi menaikkan semangat pelajar-pelajar yang hadir, Ahmad Zaidee turut berkongsi pengalaman beliau sewaktu melanjutkan pengajian di universiti terkemuka di United Kingdom. Namun yang mencuri tumpuan apabila beliau menceritakan kejayaan membina Terowong SMART di Kuala Lumpur yang pertama seumpamanya di dunia di mana beliau sendiri terlibat secara langsung sewaktu projek tersebut berjalan.

Ketika ditemui, Ahmad Zaidee berkata, tujuan beliau meluangkan masa bersama pelajar-pelajar tersebut adalah untuk mendorong mereka agar menjadikan kejayaan sebagai fokus utama. Katanya lagi, anak-anak pada masa kini perlu diberikan sokongan moral secukupnya daripada keluarga, guru dan rakan-rakan.



## Mahasiswa Diberi Bimbingan Ilmu Keusahawanan

5 Mei 2011: Unit Keusahawanan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri telah menganjurkan Kursus Asas Keusahawanan Mahasiswa yang disertai oleh 65 pelajar di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Menurut Penolong Pendaftar, Unit Keusahawanan Zainudin Hamid berkata, antara objektif kursus ini ialah bagi menyemai nilai dan budaya keusahawanan di kalangan mahasiswa, mewujudkan usahawan yang berwibawa daripada kalangan bakal siswazah dan pengetahuan mengenai pengurusan organisasi perniagaan.

Antara penceramah di kursus ini ialah dari Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), SME Bank, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Pensyarah dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) UTeM dan Alumni UTeM yang berjaya dalam bidang keusahawanan.



## Kebolehpasaran Graduan Ditingkatkan Melalui Kursus Pengendalian Rangkaian CISCO



9 Mei 2011: Seramai 32 orang pelajar tahun satu Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) UTeM telah mengikuti Kursus "Cisco Certified Network Associate" (CCNA) di makmal rangkaian komputer. Kursus ini bagi melayakkan pelajar untuk mendapatkan sijil bertauliah bidang rangkaian komputer dari CISCO setelah mereka mengikuti kursus pada siri yang seterusnya.

Kursus CCNA ini adalah kursus yang memberi pendedahan untuk mengendali dan menyelesaikan masalah rangkaian komputer. Kurikulum CCNA yang diajar merangkumi dasar ancaman keselamatan komputer, pengenalan kepada konsep-konsep terminologi rangkaian tanpa wayar dan kemahiran berdasarkan prestasi. Peserta diajar oleh dua orang pensyarah FTMK yang bertauliah iaitu Zaki Mas'ud dan Erman Hamid.

Sementara itu, salah seorang peserta kursus Norazilah Md Desa memberitahu, dia men dapat banyak pengalaman baru mengenai rangkaian komputer, serta dapat belajar bagaimana sistem rangkaian itu dipasang dan dikendalikan dengan sempurna. Beliau berharap dengan adanya pengetahuan mengenai kursus ini akan dapat menambah nilai pembelajaran yang lebih khusus mengenai sistem rangkaian komputer.

# ANGKASAWAN NEGARA

## Cetus Inspirasi Mahasiswa

30 Mei 2011: Penguasaan bahasa Inggeris merupakan aset penting yang perlu ada di kalangan mahasiswa demi merebut tempat dalam pasaran kerja. Demikian antara amanat Angkasawan Negara, Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor ketika menyampaikan ceramah motivasi di hadapan 600 mahasiswa di Dewan Besar UTeM Kampus Induk Durian Tunggal.

Ceramah tersebut diadakan bersempena dengan Minggu Haluan Siswa yang diadakan untuk kemasukan pelajar baru sesi 2011/2012. Penampilan khas Dr. Sheikh Muszaphar adalah untuk menyuntik semangat pelajar-pelajar tersebut untuk cemerlang dalam bidang yang diceburi terutama sekali dalam bidang kejuruteraan dan ICT.

Melalui slot yang dianjurkan, Dr. Sheikh Muszaphar menyampaikan ceramah motivasi di hadapan 600 mahasiswa UTeM serta beberapa IPT sekitar Melaka yang diundang khas. Dengan tajuk "Angkasawan Inspirasi" Dr. Sheikh Muszaphar berkongsi pengalaman beliau dengan mahasiswa mengenai pengalaman melaksanakan eksperimen-eksperimen serta teknologi yang digunakan di angkasa lepas.

Di samping berkongsi pengalaman, Dr. Sheikh Muszaphar juga menyampaikan panduan berguna kepada mahasiswa mengenai tip-tip untuk cemerlang dalam bidang akademik. Kata Dr. Sheikh, "Kita perlu mengimpikan sesuatu yang besar dan percaya kepada diri sendiri bahawa sesuatu yang mustahil itu boleh dicapai jika kita berusaha ke arah cita-cita tersebut."




## UTeM Jadi Pilihan Utama Pelajar Lanjutkan Pengajian Peringkat Diploma

29 Mei 2011: UTeM terus menjadi pilihan pelajar lepasan SPM dalam menyambung pengajian di peringkat diploma. Baru-baru ini seramai 512 pelajar baru program diploma telah melapor diri pada sesi pendaftaran yang telah diadakan di Dewan Besar Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman berkata, daripada jumlah tersebut seramai 119 pelajar mendaftar bagi program diploma Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), 98 pelajar mendaftar di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), 116 pelajar mendaftar di Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), 83 di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), dan 96 untuk pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK).

Ketika ditemui, Dr. Marizan melahirkan penghargaan kepada pelajar-pelajar tersebut kerana membuat pilihan yang tepat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Katanya lagi, status sebagai universiti teknikal pertama di Malaysia memberikan kelebihan kepada graduan di samping pelbagai kemudahan berteknologi tinggi yang bakal memberi pengalaman yang cukup berbeza untuk mereka.



## FKP Anjur Pertandingan Inovasi Kejuruteraan Pembuatan

12 Mei 2011: Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah menganjurkan Pertandingan Projek Sarjana Muda berfokuskan inovasi dalam bidang kejuruteraan pembuatan. Pertandingan ini dianjurkan khas untuk pelajar yang mengambil subjek mata pelajaran BMFG 4924 iaitu pelajar tahun akhir Jabatan Bahan Kejuruteraan bagi menambahkan lagi pengetahuan dan pendedahan terkini dalam bidang penyelidikan.

Penganjuran ini bertujuan untuk melengkapkan modul pembelajaran bagi meningkatkan lagi percambahan idea di kalangan pelajar dan juga membantu mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk membina kefahaman dan pengetahuan pelajar mengenai projek tahun akhir yang telah dijalankan oleh mereka serta untuk menarik minat pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi berdasarkan kajian awal yang telah dijalankan.



## Prestasi UTeM Terus Cemerlang: Menang 20 Pingat Di ITEX 2011

22 Mei 2011: Penyelidik UTeM terus mencipta kejayaan gemilang ketika menyertai 22nd International Invention, Innovation and Technology Exhibition 2011 (ITEX 2011) di Kuala Lumpur yang berakhir semalam. Pada pertandingan inovasi tersebut, pasukan penyelidik UTeM telah meraih satu anugerah khas, tiga pingat emas, sepuluh perak dan enam gangsa menjadikan sejumlah 20 pingat diraih melalui produk-produk inovasi yang dipertandingkan.

Menurut Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) UTeM, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) menghantar sembilan produk inovasi, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) enam produk, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) enam produk manakala Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dua produk dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) satu produk.

Daripada penyertaan tersebut, dua produk daripada FKP meraih emas manakala satu produk daripada FKEKK turut meraih emas. Antara yang menarik perhatian juri serta wakil-wakil industri antarabangsa ialah "Green Innovative Glass-Ceramic" yang dihasilkan oleh penyelidik UTeM, Dr. Jariah Mohamad Juoi.

Produk inovasi itu merupakan jubin (tile) yang dihasilkan melalui kitaran semula bahan buangan kaca yang dileburkan dan diadun dengan komposisi tertentu untuk dijadikan bahan binaan atau kemasan lantai yang lebih ekonomi dan tidak mencemarkan alam.

Kejayaan penyelidik UTeM turut mendapat perhatian syarikat-syarikat serta agensi pengkomersilan dari dalam dan luar negara untuk menjalinkan rangkaian strategik dalam memasarkan produk inovasi ke peringkat global.



## Setiausaha Pejabat Didedah Rahsia Komunikasi Berkesan

8 Mei 2011: Unit Latihan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) UTeM telah menganjurkan kursus Neuro Linguistics Programming-Golden Tongue di Kuala Pilah Negeri Sembilan yang disertai seramai 44 peserta terdiri daripada Setiausaha Pejabat UTeM.

Dr. Azhar bin Hj. Sarip telah dijemput untuk memberikan ceramah di kursus ini. Beliau merupakan kolumnis Majalah Mingguan Wanita dan I LUV ISLAM yang berpengalaman luas dalam bidang pembentukan rohani secara praktikal. Beliau juga merupakan Certified Hypnotherapist (USA), Certified NLP Trainer dan merupakan pengasas program Spiritual NLP di Malaysia.

Tujuan program ini adalah untuk mempelajari teknik kemahiran komunikasi berkesan bagi mencapai kejayaan dalam organisasi. Staf juga diajar rahsia asas komunikasi untuk mempengaruhi dan memudahkan komunikasi. Teknik meningkatkan hubungan kerjasama dengan orang lain turut disampaikan dalam kursus ini.

Antara pengisian dalam kursus ini adalah kaedah minda "Supersedar" iaitu kuasa gelombang otak dalam meningkatkan kekuatan jiwa, rahsia kekuatan sebenar untuk mencapai kejayaan cemerlang serta formula 2M untuk menghasilkan individu unggul. Peserta juga dilatih mengenal punca sebenar masalah komunikasi dan cara mengatasi segala rintangan dalam berkomunikasi.



## Hubungan Industri Dengan Syarikat Teknologi Tinggi Korea Selatan Diperkuuh

19 Mei 2011: Kecemerlangan UTeM dalam bidang penyelidikan dan inovasi di peringkat antarabangsa semakin mendapat tumpuan pihak industri dalam menjalinkan hubungan strategik dua hala. Terbaru, UTeM dikunjungi oleh Presiden syarikat Man & Tel yang berpangkalan di Korea Selatan dalam rangka lawatan ke Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal.

Kunjungan Presiden Man & Tel Prof. Dr. Jung Kwang Kwook ke UTeM adalah bersempena dengan majlis penyerahan sumbangan beberapa unit peralatan telekomunikasi berteknologi tinggi yang bakal digunakan di dalam pembelajaran mahasiswa UTeM di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK).

Menurut Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, "Kunjungan Presiden syarikat Man & Tel ke UTeM hari ini memberi impak yang sangat besar terhadap hubungan strategik dengan pihak industri terutama sekali dengan organisasi antarabangsa."

Sementara itu, Presiden Man & Tel, Dr. Jung dalam ucapannya berkata, "Kami sangat mengalu-alukan kehadiran staf UTeM ke pusat operasi kami di Korea untuk sama-sama menjalankan pembangunan produk dan penyelidikan secara bersama." Tambah beliau lagi, sumber kepakaran yang ada di kedua-dua belah pihak boleh digabungkan untuk memberi output yang lebih bernilai.



## UTeM Sertai Kejohanan Sukan Persatuan Badan-badan Berkanun Malaysia Kali Ke-7



14 Mei 2011: Kontinen UTeM telah menyertai kejohanan Sukan Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia Kali-ke 7 yang telah diadakan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Penyertaan kali ini melibatkan dua acara iaitu boling padang dan bola sepak yang telah memberi saingan sengit kepada pihak lawan sepanjang kejohanan berlangsung. Melalui penyertaan tersebut, kontinen UTeM telah meraih pingat gangsa dalam acara boling padang kategori campuran.

Sementara itu, pasukan bola sepak senior UTeM mendominasi peringkat kumpulan dengan menjadi johan kumpulan sebelum melayakkkan diri ke peringkat suku akhir. Kesungguhan dan keazaman pemain bola sepak senior pada perlawanan tersebut berjaya membawa pasukan UTeM sehingga ke wisel akhir perlawanan yang menyaksikan pasukan MADA berjaya ke peringkat seterusnya melalui sepakan penalti (6-7).

Setinggi tahniah kepada kontinen UTeM yang menyertai kejohanan tersebut dan semoga menjadi pemanas badan bagi menghadapi Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) yang akan berlangsung pada bulan Julai ini.

## Kursus Induksi Umum Kumpulan Pengurusan & Profesional Bentuk Kakitangan Berkemahiran Tinggi

22 Mei 2011: Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Pendaftar telah menganjurkan Kursus Induksi Umum Kumpulan Pengurusan & Profesional Serta Gred 27 dan 29 Bilangan 2 / 2011 selama 12 hari di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Kursus ini telah melibatkan seramai 57 orang peserta meliputi kakitangan akademik dan pentadbiran UTeM. Sememangnya kumpulan ini antara golongan yang memainkan peranan besar dalam operasi dan fungsi universiti bagi melahirkan graduan yang berkebolehpasaran tinggi. Antara pengisian program yang telah dilaksanakan ialah koleksi ceramah yang memberi pendedahan lengkap tentang perkhidmatan awam, gerak kerja berkumpulan, aktiviti lasak, tugas individu dan berkumpulan, persempahan kumpulan serta akhir sekali para peserta menduduki peperiksaan bagi menguji kefahaman dan kebolehdapatan hasil sepanjang kursus ini.

Sememangnya kursus ini mampu membentuk kakitangan UTeM agar sentiasa bersedia, berkeyakinan tinggi, mampu menghadapi cabaran, berpengetahuan luas serta menunjukkan prestasi cemerlang selaku penjawat awam yang produktif dalam membawa universiti ke arah kecemerlangan dan keunggulan yang berterusan.



## UTeM Fokus Bentuk Pemandu Berpengetahuan & Berhemah

20 Mei 2011: Unit Latihan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) UTeM menganjurkan Program Pemandu Universiti Dinamik bertempat di Ayer Keroh, di mana buat julung kalinya telah menggabungkan penyertaan tiga buah universiti iaitu UTeM, Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Menurut Ketua Timbalan Pendaftar UTeM, Wahi Nordin berkata, "Pengetahuan terhadap penjagaan bas amatlah penting kerana ianya boleh mengelakkan kejadian yang tidak diingini". Beliau mengambil contoh pemandu di Korea Selatan yang sentiasa melakukan pemeriksaan fizikal bas sebelum, ketika dan selepas perjalanan bagi memastikan tahap keselamatan yang tinggi.

"Justeru, sebagai pemandu kendaraan universiti, pengetahuan dari segi teknikal terhadap keupayaan enjin, brek, tayar dan sebagainya adalah sangat dititikberatkan," ujar Wahi lagi. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di dalam program ini meliputi ceramah yang disampaikan oleh pakar kendaraan berat, latihan amali, perbincangan dan gerak kerja dalam kumpulan. Turut diajar elemen pembentukan sahsiah diri dalam memberi khidmat terbaik kepada pelanggan serta pengguna jalanraya.

## Seminar Kesedaran Keselamatan & Kesihatan di Pejabat - Semai Kesedaran Berterusan Kakitangan

26 Mei 2011: Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTeM telah menganjurkan Seminar Kesedaran Keselamatan & Kesihatan di Pejabat yang bertempat di MITC, Ayer Keroh yang melibatkan penyertaan seramai 70 staf dari pelbagai jabatan.

Antara objektif diadakan seminar ini adalah untuk memantapkan lagi pemahaman warga UTeM terhadap betapa pentingnya keselamatan dan kesihatan di pejabat dengan menggunakan pendekatan berdasarkan kaedah pembelajaran melalui pengalaman.

Seterusnya di dalam seminar ini juga akan membincangkan dan memberi kefahaman kepada peserta tentang bahaya-bahaya dan penyakit pekerjaan yang mungkin wujud daripada aktiviti-aktiviti kerja di bahagian pentadbiran dan pejabat.

Peserta juga diberi pendedahan untuk mengelakkan kecederaan yang berkaitan dengan bahaya-bahaya yang wujud. Spektrum tentang keselamatan dan kesihatan di pejabat yang dibincangkan termasuk pengurusan tekanan, hazard ergonomik, hazard komunikasi, tergelincir dan jatuh serta keselamatan elektrik.



## Kelahiran Mei 2011

Nama Staf : Nor Hafizah binti Hamyadi (FTMK) & Azlan bin Suparman (HEPA)  
Nama Anak : Aryan Hanif bin Azlan  
Tarikh Lahir : 14 Mei 2011

Nama Staf : Herman bin Hussin (Pejabat Pembangunan)  
Nama Anak : Muhamad Hafiy Harith bin Herman  
Tarikh Lahir : 25 Mei 2011



## Eahniah

Berita@UTeM mengucapkan selamat pengantin baru kepada Siti Nadiah binti Othman dari Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICNeT) bersama pasangannya Mohd Siddiq Azizi bin Jais yang melangsungkan perkahwinan pada 14 Mei 2011.



# Personaliti Pilihan



**IZWAN BIN MOHAMAD**  
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN DAN OPERASI)  
PEJABAT PENDAFTAR

Berasal dari Bukit Rambai Melaka, Izwan memulakan perkhidmatan di universiti ini pada 15 Oktober 2008 dan ditempatkan di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Pejabat Pendaftar.

Seorang yang aktif di dalam bidang sukan, Izwan merupakan pemain sepak takraw dan karom yang telah mengharumkan nama Pejabat Pendaftar di beberapa edisi kejohanan Sukan Antara Jabatan (SAJ) sejak tahun 2008 hingga kini.

Meminati masakan daging salai masak lemak cili api, Izwan sememangnya sentiasa positif dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Beliau turut melibatkan diri dalam memastikan keselamatan pejabat dengan menganggotai pasukan bertindak kecemasan atau lebih dikenali sebagai "Emergency Response Team" (ERT).



**ERNIHAZRA BINTI MD JOHAN**  
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN DAN OPERASI)  
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (FKP)

Ernihazra menyertai UTeM pada 1 April 2004 dan ditempatkan di FKP untuk melaksanakan urusan pentadbiran akademik serta pengurusan aktiviti pelajar. Dilahirkan di Mersing, Ernihazra atau lebih mesra dengan panggilan Erni kini menetap di Bukit Beruang Melaka bersama keluarga tercinta.

Seorang yang kaya dengan senyuman, Erni akan bermain bowling bersama keluarga dan rakan-rakannya pada masa terluang. Katanya aktiviti tersebut dapat membentuk minda yang cergas di samping dapat mengeratkan hubungan persahabatan.

Selain sukan bowling, Erni juga merupakan pemain ping pong yang berbakat besar dan telah mewakili fakulti dalam kejohanan Sukan Antara Jabatan (SAJ). Tiada yang lebih bermakna bagi diri beliau apabila telah menaikkan nama fakulti dengan membantu pasukannya menjadi johan SAJ 2008 dalam acara ping pong.

## UTeM Laksanakan Penganjuran Terbaik

### IMAGINE CUP 2011 – MICROSOFT

5 Mei 2011: Pertandingan akhir mencipta perisian "Imagine Cup" peringkat kebangsaan bagi edisi 2011 anjuran Microsoft dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merupakan penganjuran terbaik setakat ini. Demikian kenyataan yang dikeluarkan oleh Pengarah Urusan Microsoft Malaysia, Ananth Lazarus ketika menyampaikan ucapan di hadapan tetamu dan peserta pada malam kemuncak pertandingan tersebut.

Pujian itu disampaikan kepada Pengurus pertandingan Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, Naib Canselor UTeM. Menurut Ananth, sekretariat pertandingan yang diterajui oleh UTeM telah berjaya mengendalikan pertandingan berprestij itu dengan lancar melalui beberapa aktiviti yang disusun untuk peserta dan pengunjung.

Imagine Cup 2011 peringkat kebangsaan telah berlangsung di Kuching Sarawak menyaksikan 30 pasukan daripada universiti awam dan swasta terpilih ke peringkat akhir untuk merebut tempat mewakili negara ke peringkat akhir antarabangsa yang dijadualkan pada bulan Julai ini di New York, Amerika Syarikat.

Melalui pertandingan Imagine Cup, peserta menghasilkan pelbagai jenis perisian (software) yang boleh menyelesaikan masalah sejagat. Ia juga selaras dengan matlamat milenium Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang menyenaraikan antara lainnya kebuluran, pendidikan, kesaksamaan jantina, kelestarian alam sekitar dan isu kesihatan.

Turut hadir pada malam kemuncak tersebut ialah Datuk Ab. Rahim Md. Noor, Ketua Setiausaha KPT yang mewakili Menteri Pengajian Tinggi. Dalam sidang media yang dianjurkan, Ab. Rahim melahirkan rasa bangga terhadap mutu perisian yang dihasilkan oleh peserta. Katanya lagi inisiatif Microsoft dalam menganjurkan pertandingan sedemikian dapat meningkatkan kreativiti mahasiswa sejarah dengan matlamat KPT yang mahu melahirkan graduan bermutu tinggi.

